

Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2022

Skuad futsal wanita UM raih emas

Tanjung Malim: Skuad futsal wanita Universiti Malaya (UM) gah menjuarai acara itu selepas menundukkan Universiti Putra Malaysia (UPM) 8-1 pada saingan akhir liga sepusingan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 semalam.

Skuad kendalian Farhanah Abdullah itu berjaya memenangi empat daripada lima perlawanan, sekali gus membuktikan mereka

berada pada kelas tersendiri dalam temasya SUKIPT kali ini.

Farhanah berkata, dia cukup berpuas hati dengan corak permainan yang dipamerkan anak buahnya pada setiap perlawanan.

“Kejuaraan ini amat manis buat kami kerana seperti sedia maklum, semasa Liga Futsal Institusi Pengajian Tinggi (LFIPT) 2022 sebelum ini kami tumpas dengan Universiti Pertahanan Na-

sional Malaysia (UPNM) di final.

“Ini semua adalah misi balas dendam dan yang lebih manis adalah semua pemain menunjukkan peningkatan yang sangat baik. Mereka juga bermain dengan cererlang pada setiap perlawanan,” katanya ketika ditemui di Arena Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah (UPSI), semalam.

Manfaat peluang

Tambah Farhanah, barisan pemainnya perlu lebih memanfaatkan peluang yang terhidang dengan sebaiknya kerana itu adalah kunci kemenangan mereka.

“Apa yang perlu diperbaiki, mereka perlu memanfaatkan segala peluang yang terhidang. Boleh diumpamakan, beribu-ribu peluang dihidangkan tapi kami tak ambil.

“Pada saya itulah futsal, siapa yang ambil peluang dia menang. Apa yang saya boleh katakan untuk pasukan futsal wanita UM, ini adalah perkara yang perlu ditambah baik,” katanya.

Untuk rekod, skuad futsal wanita UM berjaya mengumpul 12 mata daripada lima perlawanan sekali gus layak meraih emas.



Skuad futsal wanita UM meraikan kejayaan memenangi emas SUKIPT 2022.